



SYARAT DAN PERATURAN PENYERTAAN ANUGERAH HARTA INTELEK NEGARA 2026 (AHIN2026)

SYARAT UMUM PENYERTAAN

- i) Penyertaan terbuka kepada semua **warganegara Malaysia** sahaja;
- ii) Penyertaan secara **individu atau berkumpulan**. Penyertaan **boleh melebihi satu (1) kategori** dengan menggunakan borang penyertaan yang berasingan;
- iii) Pertambahan nama ahli kumpulan adalah tidak dibenarkan selepas tarikh tutup penyertaan;
- iv) Setiap penyertaan untuk Kategori Wira InoVatif / Juara Jenama / InoReka / Nadi Kreatif dan Permata Cilik mestilah **asli dan tidak pernah menyertai pertandingan AHIN bagi kategori yang sama**;
- v) Setiap penyertaan mestilah dihantar **pada atau sebelum tarikh tutup penyertaan**. Penyerahan selepas tarikh tutup yang ditetapkan akan ditolak secara automatik;
- vi) Pihak penganjur berhak untuk menolak penyertaan sekiranya tidak memenuhi syarat umum dan khusus bagi kategori yang disertai;
- vii) Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang perbelanjaan, kerosakan dan kehilangan dokumen atau produk sebelum, semasa dan selepas penyertaan;
- viii) Segala keputusan yang dibuat oleh penganjur dan panel juri adalah muktamad. Penganjur berhak untuk mengubah mana-mana terma, syarat dan peraturan anugerah/ pertandingan pada bila-bila masa dan akan memaklumkan kepada semua peserta akan perubahan berkenaan dalam tempoh masa yang bersesuaian menerusi laman web dan/ atau emel. Sebarang surat menyurat atau rayuan tidak akan dilayan; dan
- ix) Selagi mana dibenarkan oleh peraturan anugerah/ pertandingan, apabila sesuatu hadiah itu diterima, setiap peserta secara automatik telah memberikan keizinan bahawa nama pemenang, fotograf, biografi dan seumpamanya yang telah diserahkan sedia untuk diterbitkan secara cetakan atau di laman web MyIPO oleh penganjur, atau penaja, atau mana-mana pihak ketiga yang dilantik oleh pihak penganjur bagi tujuan pengiklanan, pemasaran dan tujuan lain yang bermanfaat tanpa sebarang pampasan.

SYARAT KHUSUS PENYERTAAN

NO.	SEKTOR	SYARAT
1	Organisasi Terunggul Harta Intelek (Pengurusan Harta Intelek Terbaik)	i) Penyertaan terbuka kepada Organisasi Kerajaan, Swasta, Institusi Penyelidikan dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia; ii) Organisasi mempunyai Harta Intelek yang telah difailkan di Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dari tahun 2023-2025 sahaja; iii) Senarai program, pembangunan dan pengurusan Harta Intelek yang dimiliki; dan iv) Senarai harta intelek yang dikomersialkan dari tahun 2023 - 2025 sahaja.
2	Wira InoVatif (Paten)	i) Penyertaan terbuka kepada warganegara Malaysia sahaja; ii) Harta Intelek hendaklah menarik, kreatif dan menyumbang kepada teknologi Kejuruteraan atau Sains serta memberi faedah kepada masyarakat atau negara; dan iii) Harta Intelek yang dikomersialkan atau pra-pengkomersialan dari tahun 2023-2025 sahaja.
3	Juara Jenama (Cap Dagangan)	i) Penyertaan terbuka kepada warganegara Malaysia sahaja; ii) Harta Intelek hendaklah menarik, kreatif serta memberi faedah kepada masyarakat atau negara; dan iii) Harta Intelek yang dikomersialkan atau pra-pengkomersialan dari tahun 2023-2025 sahaja.
4	InoReka (Reka Bentuk Perindustrian)	i) Penyertaan terbuka kepada warganegara Malaysia sahaja; ii) Harta Intelek mestilah asli, menarik, kreatif serta memberi faedah kepada masyarakat atau negara; dan iii) Harta Intelek yang dikomersialkan

		atau pra-pengkomersialan dari tahun 2023-2025 sahaja.
5	Nadi Kreatif (Hak Cipta)	i) Penyertaan terbuka kepada warganegara Malaysia sahaja; ii) Harta Intelekt mestilah asli, menarik, kreatif serta memberi faedah kepada masyarakat atau negara; dan iii) Harta Intelekt yang dikomersialkan atau pra-pengkomersialan dari tahun 2023-2025 sahaja.
6.	Permata Cilik (Pelajar Sekolah atau Setaraf)	i) Penyertaan terbuka kepada semua pelajar (Warganegara Malaysia) Sekolah Menengah dan setaraf di Malaysia; ii) Penyertaan pelajar adalah secara individu atau berkumpulan; iii) Penambahan nama ahli kumpulan adalah tidak dibenarkan selepas tarikh tutup penyertaan; iv) Rekacipta mestilah asli, menarik dan kreatif serta memberi faedah kepada masyarakat atau negara; v) Rekacipta mempunyai nilai komersial; dan vi) Rekacipta mestilah dalam bentuk produk siap atau prototaip yang menunjukkan fungsi rekacipta.
7.	Anugerah Khas Pemeriksaan Harta Intelekt (Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Persekutuan atau Negeri).	i) Penyertaan terbuka kepada Kementerian, Jabatan, Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri di Malaysia sahaja; ii) Harta Intelekt yang telah difailkan di Perbadanan Harta Intelekt Malaysia (MyIPO) dari tahun 2023-2025; iii) Harta Intelekt yang dikomersialkan dari tahun 2023-2025 sahaja; dan iv) Menyelaras sendiri program pembangunan Harta Intelekt dan mengurus Harta Intelekt yang dimiliki.
8.	Anugerah Khas Pencapaian Komersial	i) Penyertaan terbuka kepada Organisasi Kerajaan, Swasta, Institusi Penyelidikan dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia; ii) Harta Intelekt yang telah difailkan di Perbadanan Harta Intelekt Malaysia

		(MyIPO) dari tahun 2023-2025; iii) Harta Intelek yang dikomersialkan dari tahun 2023-2025 sahaja; dan iv) Menyelaras program pembangunan Harta Intelek dan mengurus Harta Intelek yang dimiliki;
9.	Anugerah Khas Ejen Harta Intelek Terbaik	i) Penyertaan terbuka kepada Syarikat Ejen Harta Intelek Tempatan sahaja; ii) Organisasi mempunyai rekod Pemfailan Harta Intelek tertinggi bagi tahun 2025; iii) Organisasi memberikan impak yang signifikan dalam bidang Harta Intelek kepada negara dan masyarakat; dan iv) Organisasi berjaya menyelaras program-program kesedaran awam berkaitan isu harta intelek.

FORMAT PENYERTAAN

- i. Setiap penyertaan yang dihantar **hendaklah disertakan dengan borang penyertaan yang telah lengkap**. Borang yang tidak lengkap akan ditolak;
- ii. Setiap penyertaan hendaklah dihantar bersama dengan satu laporan ringkas yang ditaip pada satu kertas berukuran A4 yang mengandungi aspek teknikal atau rasional konsep Harta Intelek / Rekapipta dengan tidak melebihi **LIMA BELAS (15)** muka surat sahaja (**Bilangan muka surat ini tidak termasuk lampiran seperti salinan sijil, lakaran, gambarajah, lukisan atau gambar foto. Huraian boleh ditulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.**) serta video persembahan produk atau berkaitan berdurasi **LIMA (5) HINGGA SEPULUH (10) MINIT sahaja** dan dikemukakan dalam bentuk pautan URL.
- iii. Setiap penyertaan hendaklah mengikut format kertas kerja yang telah dinyatakan di dalam Borang Penyertaan bagi setiap sektor AHIN2026;
- iv. **Tarikh tutup** penerimaan borang penyertaan adalah **pada 15 Januari 2026 (Khamis), jam 5.00 petang**;
- v. Sebarang pertanyaan sila emelkan kepada ahin2026@myipo.gov.my;
- vi. Setiap Penyertaan hendaklah dihantar ke alamat berikut:

Urusetia
Anugerah Harta Intelek Negara 2026 (AHIN2026)
Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)
Level 5, Menara MyIPO, PJ Sentral
Lot 12, Persiaran Barat
Seksyen 52 Petaling Jaya
46200 Petaling Jaya, Selangor
(u.p: Puan Emy Nadia Johari)